



SIARAN MEDIA

BELANJAWAN 2022: MVIA Cadang Laksanakan Peraturan Kawal Selia Vape

KUALA LUMPUR, 15 September 2021 – The Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA) memohon kerajaan untuk memperkenalkan peraturan kawal selia industri vape sempena Belanjawan 2022 yang bakal dibentangkan bulan hadapan.

MVIA percaya dengan pelaksanaan peraturan tersebut, ia akan dapat membantu menyemarakkan ekonomi negara malah mampu menarik pelaburan asing ke dalam negara dalam industri vape serta memastikan perlindungan kepada pengguna dari segi kualiti produk.

Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy, Rizani Zakaria, pihak industri telah memperjuangkan pelaksanaan peraturan bagi memperkasa industri ini sejak sekian lama dan dengan keadaan negara yang bergelut dengan pelbagai isu ekonomi dan kesihatan, sudah tiba ia diguna pakai dan dilaksanakan.

“Belanjawaan 2022 akan dibentangkan tidak lama lagi. Kami berharap permintaan kami ini mendapat perhatian Kerajaan untuk segera mengawal selia industri vape tempatan. Kami di MVIA bersedia untuk membantu kerajaan dan menjadi suara industri untuk sama-sama terlibat dalam pembangunan peraturan kawal selia tersebut,” katanya.

Rizani memberitahu, pihaknya telah menyerahkan cadangan ini kepada kementerian yang berkenaan dan pada masa yang sama akan memohon sesi konsultasi bersama Kerajaan untuk memberikan maklumbalas berkenaan keperluan peraturan untuk industri vape ini.

Kata Rizani, industri yang kuat dan kukuh bukan sahaja memberi manfaat kepada pemain industri dan pengguna tetapi juga menggalakkan usahawan terutamanya Bumiputera untuk terlibat dalam rantaian bekalan seterusnya menawarkan peluang pekerjaan.

Setakat ini, Industri vape telah berjaya menyediakan ribuan peluang pekerjaan dan mampu menjana berbilion ringgit bagi ekonomi tempatan. MVIA menganggarkan industri vape tempatan bernilai RM2.27 billion dengan penglibatan 3,300 perniagaan berdaftar.

“Kita sedia maklum bahawa kerajaan sedang dalam fasa memulihkan negara melalui Pelan Pemulihan Negara. Kerajaan harus menyenaraikan industri vape sebagai salah satu fokus yang boleh membantu pembangunan ekonomi, modal insan dan kesihatan awam,” katanya.

Sehubungan itu, Rizani berkata majoriti pengguna vape di Malaysia adalah bekas perokok dan mereka mendukung polisi Pengurangan Kemudarat Tembakau (THR) dan hanya dengan peraturan, produk vape dapat membantu perokok berhenti merokok dengan bertukar kepada alternatif yang kurang mudarat.



"Hanya dengan peraturan, satu standard dapat ditetapkan dan kualiti produk akan terjamin. Bukan sahaja itu, peraturan juga perlu mengambil kira perbezaan hasil tembakau dan vape. Satu adalah produk yang terbukti berbahaya dan memberikan risiko kesihatan yang tinggi manakala produk vape telah terbukti produk yang kurang mudarat dan membantu perokok berhenti merokok."

"Oleh itu, peraturan perlu ada perbezaan untuk membolehkan produk vape yang kurang mudarat dipromosikan untuk membantu perokok berhenti merokok dan mengurangkan kadar perokok di Malaysia," katanya.

TAMAT

Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)

MVIA ialah sebuah kumpulan kepentingan khusus yang tidak berlandaskan keuntungan dalam menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Matlamatnya ialah untuk mewakili industri vape dengan menyampaikan suara industri kepada badan kerajaan, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan yang lain.

Issued on behalf of: **Malaysian Vape Industry Advocacy**

By: Acendus Communications Sdn Bhd

For further information, please call Reshvinder Kaur at 017 275 7985